



## PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN NORMA BAHARU DALAM KALANGAN PELAJAR KOLEJ KOMUNITI MALAYSIA

### [TEACHING AND LEARNING NEW NORMS AMONG MALAYSIAN COMMUNITY COLLEGE STUDENTS]

HASNIZA TAWYER,<sup>1</sup> HANIRAH MOHAMAD NUR<sup>1\*</sup> & AMIER HAFIZUN AB RASHID<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Kolej Komuniti Kota Tinggi, Jalan Abdulah, Pekan Kota Tinggi, 81900 Kota Tinggi, Johor MALAYSIA

<sup>2</sup> Kolej Komuniti Segamat 2, KM 4, Jln Jementah, Bt. Anam, DT, Kampung Kenangan, 85100 Batu Anam, Johor, MALAYSIA

Corresponding Author: hanirah@kkkotatinggi.edu.my

---

*Received: 19 July 2021*

*Accepted: 20 August 2021*

*Published: 8 November 2021*

---

**Abstrak:** Pandemik COVID19 yang melanda dunia sejak 2019 telah mengubah paradigma dunia pendidikan di Malaysia. Pengumuman Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh Kerajaan Malaysia sekaligus telah mencetuskan satu revolusi dalam sistem Pengajaran dan Pembelajaran (PdP). Pelbagai jenis mod PdP dilaksanakan bagi memenuhi tuntutan dalam menyampaikan dan melaksanakan PdP norma baharu. Sistem PdP di Rumah (PdPR) mula diperkenalkan sebagai langkah inisiatif pihak Kerajaan dalam meneruskan kelangsungan proses PdP walaupun Malaysia sedang dilanda wabak COVID19. Semestinya PdP norma baharu ini menuntut pengorbanan dari segenap lapisan pelajar dalam meneruskan proses PdP. Oleh itu, tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap dari segi penggunaan aplikasi atas talian, pengurusan ruang dan fasiliti dan pengurusan pensyarah dalam pelaksanaan PdP norma baharu sewaktu Malaysia dilanda pandemik COVID19 serta mengenal pasti isu dan cabaran utama dalam menghadapi PdP norma baharu dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti Segamat 2 (KKS2). Kajian ini dijalankan secara kajian tinjauan dan edaran borang soal selidik diedarkan secara rawak mudah kepada pelajar KKS2. Analisis secara deskriptif dilakukan bagi mendapatkan peratusan, nilai min dan sisihan piawai. Tinjauan analisis mendapati bahawa nilai min bagi penggunaan aplikasi atas talian, pengurusan ruang dan fasiliti dalam pelaksanaan PdP norma baharu adalah pada tahap sederhana (2.98). Manakala nilai min bagi pengurusan pensyarah dalam pelaksanaan PdP norma baharu adalah 3.32 iaitu pada tahap tinggi. Antara isu dan cabaran yang paling besar dihadapi oleh pelajar-pelajar ini dalam PdP norma baharu ini ialah capaian internet yang sangat lemah bagi sesetengah kawasan, menghadapi masalah kewangan memandangkan peruntukan perbelanjaan capaian internet bertambah, di samping aplikasi atas talian yang digunakan kurang menyeronokkan dalam aktiviti PdP. Antara lain, faktor persekitaran juga menjadi isu utama yang dibincangkan kerana suasana yang kurang kondusif di rumah, kekurangan peralatan alat bantuan PdP seperti komputer juga antara perkara yang menjadi isu dan cabaran dalam PdP norma baharu ini. Oleh itu, para pelajar perlu mempersiapkan diri dari segi mental dan fizikal bagi meneruskan proses PdP norma baharu ini. Pihak pengurusan Kolej Komuniti juga perlu mengambil langkah dalam mendepani isu dan cabaran ini.

**Kata kunci:** COVID19; Pengajaran dan Pembelajaran; Norma Baharu; Kolej Komuniti Malaysia.

**Abstract:** The COVID19 pandemic that has hit the world since 2019 has changed the paradigm of the education world in Malaysia. The announcement of the Movement Control Order (MCO) by the

Government of Malaysia has also triggered a revolution in the Teaching and Learning system (T&L). Various types of T&L modes are implemented to meet the demands in delivering and implementing T&L new norms. The Home T&L system was first introduced as an initiative by the Government to continue the PDP process even though Malaysia is currently facing COVID19. Therefore, the main purpose of this study is to identify the level in terms of online application usage, space and facilities management and lecturer management in the implementation of T&L new norms during The COVID19 pandemic as well as identifying the main issues and challenges in facing T&L new norms among students of Segamat 2 Community College (S2CC). The study was conducted through survey studies and the distribution of questionnaires were distributed randomly to students of S2CC. Descriptive analysis is performed to get the percentage, mean value, and standard deviation. The analysis survey found that the mean value for the use of online applications, space management and facilities in the implementation of new norms was at a moderate level (2.98). Mean value for lecturer management in the implementation of the new norm is 3.32 at a high level. Among the biggest issues and challenges faced by these students in the T&L new norm is extremely poor internet access for some areas, facing financial difficulties as the allocation of internet access expenditure increases, as well as online applications that are used less fun in T&L activities. the lack of T&L aid equipment such as computers is also among the issues and challenges in T&L this new norm. Therefore, students need to be prepared mentally and physically to continue the T&L process of this new norm. The management of Community Colleges must also take steps to address these issues and challenges.

**Keywords:** COVID19; Teaching and Learning; New Norm; Malaysian Community College.

**Cite This Article:**

Hasniza Tawyer, Hanirah Mohamad Nur & Amier Hafizun Ab Rashid. 2021. Pengajaran dan pembelajaran norma baharu dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti Malaysia [Teaching and learning new norms among Malaysian Community College students]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, 1(4), 26-37.

## **PENGENALAN**

Kementerian Pengajian Tinggi telah menggariskan panduan baharu dalam pelaksanaan PdP secara atas talian semenjak negara kita dilanda pandemik COVID19. Halangan PdP secara bersemuka ini bagi mengelakkan daripada kebolejangkitan dan merebaknya wabak ini dalam kalangan pelajar dan pensyarah. Keadaan ini tidak menghalang pelajar untuk menuntut ilmu walau dalam apa jua keadaan sekalipun (Thannimalai & Baloh, 2021). Namun begitu, keadaan ini telah mencetuskan pelbagai isu dan cabaran bagi pelajar dalam mengikuti PdP norma baharu ini. Antara isu dan cabaran yang paling besar dihadapi oleh pelajar bagi mengikuti PdP secara atas talian ini ialah gangguan talian internet dan pelajar mengalami kesukaran untuk mendapatkan capaian internet terutama bagi pelajar yang tinggal di kawasan pedalaman (Bahrom, 2020). Di samping itu, menurut Pauzi et al., (2020), ruang belajar yang kondusif juga memainkan peranan dalam membangkitkan semangat untuk terus mengikuti PdP secara atas talian. Batasan ruang perlu diwujudkan bagi membezakan minda sewaktu perlu fokus dalam PdP dan sewaktu bersantai atau berehat. Selain itu, menurut Nor Musfirah Mohamad (2021) dan Siti Aisyah (2021), pensyarah perlu bersikap kreatif dan kritis dalam mewujudkan suasana PdP yang kondusif di mana pensyarah perlu mempelbagaikan kaedah PdP dengan menggunakan kepelbagaian dan penguasaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Pensyarah sentiasa mencari ruang dan peluang serta inisiatif untuk meningkatkan kemahiran dalam penggunaan aplikasi secara atas talian. Kemahiran yang diperolehi dikongsi bersama dan

disebar luaskan ilmu yang diperolehi kepada pensyarah-pensyarah lain dengan mengadakan webinar-webinar berkaitan penggunaan aplikasi untuk menambahbaik proses PdP.

## **PENYATAAN MASALAH**

PdP norma baharu ini sebenarnya memberi kesukaran kepada pelajar aliran Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) terutama bagi pelaksanaan tugas dan amali yang memerlukan kelengkapan atau peralatan khas bengkel atau makmal. Program yang ditawarkan di KKSG2 merupakan program-program TVET yang menuntut penggunaan khas peralatan bengkel atau makmal bagi melunaskan tugas dan amali. PdP norma baharu ini memberi cabaran yang besar kepada pensyarah dan juga pelajar dalam memastikan objektif PdP tercapai dan pelajar dapat menjalani PdP dalam keadaan yang selesa. Pelaksanaan amali dan tugas yang memerlukan kelengkapan dan peralatan khas bengkel ini kurang sesuai dilaksanakan secara atas talian kerana pelajar tidak dapat melaksanakannya sendiri (Mohd. Hamzah & Attan, 2012). Pelajar hanya memerhatikan demonstrasi yang ditunjukkan oleh pensyarah mereka. Namun begitu, komunikasi secara atas talian ini boleh menimbulkan masalah komunikasi antara pensyarah dan pelajar. Kemungkinan besar, maksud atau tujuan sebenar pensyarah tidak dapat difahami oleh pelajar (Zakaria Saad et al., 2020).

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Tujuan utama kajian ini ialah bagi mengenalpasti tahap dari segi penggunaan aplikasi atas talian, pengurusan ruang dan fasiliti dan pengurusan pensyarah dalam pelaksanaan PdP norma baharu sewaktu Malaysia dilanda pandemik COVID19 serta mengenalpasti isu dan cabaran utama dalam menghadapi PdP norma baharu dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti Segamat 2 (KKS2).

## **SKOP KAJIAN**

Skop kajian ini tertumpu kepada pelajar baharu Sesi Disember 2020 KKSG2 yang terkesan dengan keadaan ini. Pensampelan secara rawak mudah digunakan dalam mengenalpasti dan menentukan responden kajian.

## **PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DALAM TALIAN**

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah kuatkuasakan oleh pihak Kerajaan dalam mengekang penularan wabak COVID19 ini telah membuka ruang baharu dalam sistem pendidikan di Malaysia. PdP secara atas talian dipraktikkan dan menjadi pilihan dalam kalangan pensyarah, guru dan pelajar tidak kira peringkat Pendidikan (Tria, 2020). Pelbagai aplikasi digunakan dalam memastikan PdP dilaksanakan secara kreatif dan menarik. Menurut Nur Hazirah & Masayu (2020), aplikasi *WhatApps* sangat memberi manfaat kepada kanak-kanak dalam mengetahui perkembangan pembelajaran sepanjang tempoh PKP. Di samping itu, pengaplikasian e-learning dalam PdP memberi impak yang positif bagi menyediakan suasana yang kondusif dan seterusnya dapat mencapai objektif PdP yang berkesan (Mohd Najib et al.,

2017). Selain itu, menurut Nurbaizura & Azizan (2020) PdP secara atas talian melalui pendekatan *Home based Learning* (HBL) menjadi keutamaan dan pilihan pendidik dalam menggantikan PdP secara bersemuka kini sungguhpun terdapat cabaran dari segi komunikasi secara aktif antara guru dan pelajar. Guru dan pensyarah sentiasa berusaha menambahbaik kemahiran dengan mengikuti kursus dan webinar dalam memastikan penyampaian PdP lebih menarik dan kreatif dan seterusnya objektif pembelajaran tercapai (Saad et al., 2020).

## **METODOLOGI**

### **Rekabentuk Kajian**

Rekabentuk kajian ini dijalankan secara deskriptif untuk mengenalpasti isu dan cabaran yang dihadapi oleh pelajar-pelajar KKSG2 dalam mendepani PdP Norma Baharu melalui borang soal selidik yang dibangunkan dengan menggunakan Google Form diedarkan secara atas talian. Setiap pemboleh ubah item telah dikenalpasti dan dianalisis dalam kategori atas rendah, sederhana dan tinggi.

### **Populasi dan Pensampelan Kajian**

Populasi kajian ini dalam kalangan pelajar Sesi Disember 2020 KKSG2 iaitu seramai 200 orang ( $P=200$ ), pensampelan kajian ialah  $S=132$  (Krejcie dan Morgan, 1970). Pelajar Sesi Disember 2020 KKSG2 ini terdiri daripada empat (4) program iaitu Sijil Teknologi Maklumat (STM), Sijil Teknologi Senibina (STS), Sijil Teknologi Elektrik (STE) dan Diploma Teknologi Solar Fotovoltan (DTS). Responden,  $N$  kajian ini 142 orang responden. Populasi kajian dipilih dalam kalangan pelajar KKSG2 yang mengikuti program TVET berkemahiran teknikal tambahan kekangan masa dan kos sewaktu mengedarkan borang soal selidik.

### **Instrumen Kajian/Pengumpulan Data**

Borang soal selidik yang dibangunkan diadaptasi dan diubahsuai daripada kajian Nur Hazirah & Masayu (2020) dibahagikan kepada empat (4) bahagian iaitu:

Bahagian A: Demografi Responden

Bahagian B: Kemahiran ICT

Bahagian C: Penggunaan Aplikasi Atas Talian bagi PDP Norma Baharu

Bahagian D: Pengurusan Ruang dan Fasiliti dalam Pelaksanaan PDP Norma Baharu

Bahagian E: Pengurusan Pensyarah dalam Pelaksanaan PDP Norma Baharu

Borang soal selidik ini terdiri daripada 14 item yang berskala likert empat (4) pemeringkatan pilihan sebagaimana Jadual 1.

Jadual 1 Skala Likert Empat (4) Pemingkatan

Skala	Butiran
1	Sangat Tidak Setuju
2	Tidak Setuju
3	Setuju
4	Sangat Setuju

### Analisis Data

Analisis data dikaji secara deskriptif bagi mencari nilai peratusan, sisihan piawai dan nilai min. Analisis interpretasi nilai tahap skor min dibahagikan kepada tiga (3) bahagian iaitu tahap tinggi, tahap sederhana dan tahap rendah sebagaimana Jadual 2.

Jadual 2 Interpretasi Skala Skor Min

Skor Min	Tahap
1.00 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana
3.01 – 4.00	Tinggi

Sumber: Diadaptasi daripada Best, J. W. (1977)

### Kebolehpercayaan Instrumen

Borang soal selidik ini terdiri daripada 14 item yang ringkas dan mudah difahami oleh responden bagi memudahkan proses penganalisisan dilaksanakan. Ini jelas terbukti apabila nilai Cronbach's Alpha terhadap item kajian rintis yang dijalankan adalah tinggi iaitu .866.

Jadual 3 Nilai Cronbach's Alpha Terhadap Item

Nilai Cronbach's Alpha	Bilangan item
.866	14

### HASIL DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Hasil analisis data mendapati bahawa jumlah responden bagi kajian ini ialah 142 orang pelajar responden yang terdiri daripada 110 orang (77.5%) pelajar lelaki dan 32 orang (22.5%) pelajar perempuan.

Jadual 4 Peratusan Responden Kajian Mengikut Jantina

	Frekuensi	Peratus	Peratus Sah	Peratus Kumulatif
Lelaki	110	77.5	77.5	77.5
Perempuan	32	22.5	22.5	100.0
Jumlah	142	100.0	100.0	

KKSG2 menawarkan empat (3) program Sijil Kolej Komuniti dan satu (1) program Diploma Kolej Komuniti. Jadual 5 menunjukkan pembahagian peratusan responden mengikut program iaitu seramai 40 orang (28.2%) mengikut program STM, 30 orang (21.2%) program STS, 52 orang (36.6%) program STE dan 20 orang (14.1%) DTS.

Jadual 5 Peratusan Responden Kajian Mengikut Program Sijil atau Diploma

	Frekuensi	Peratus	Peratus Sah	Peratus Kumulatif
Sijil Teknologi Maklumat (STM)	40	28.2	28.2	28.2
Sijil Teknologi Senibina (STS)	30	21.1	21.1	49.3
Sijil Teknologi Elektrik (STE)	52	36.6	36.6	85.9
Diploma Teknologi Solar Fotovoltan (DTS)	20	14.1	14.1	100.0
Jumlah	142	100.0	100.0	

Hasil kajian juga mendapati seramai 108 orang (76.1%) responden mahir dalam kemahiran ICT. Manakala hanya 14 orang (9.9%) responden sangat mahir dan selebihnya 20 orang (14.1%) tidak mahir dalam kemahiran ICT.

Jadual 6 Peratusan Responden Kajian Mengikut Kemahiran ICT

	Frekuensi	Peratus	Peratus Sah	Peratus Kumulatif
Sangat Mahir	0	0	0	0
Tidak Mahir	20	14.1	14.1	14.1
Mahir	108	76.1	76.1	90.1
Sangat Mahir	14	9.9	9.9	100.0
Jumlah	142	100.0	100.0	

Berdasarkan Jadual 7 mendapati bahawa sebilangan besar pelajar kerap menggunakan aplikasi *Google Meet* dalam proses PdP mereka iaitu seramai 92 orang (64.8%). Hanya 18 orang (12.7%) kerap menggunakan Telegram selebihnya menggunakan aplikasi *Google Classroom*. *Google Meet* lebih mesra pengguna di mana responden dapat terus berkongsi hasil kerja dan perkongsian terus nota dan kuliah melalui paparan video dan suara. Menurut hasil kajian Nur Hazirah & Masayu (2020) para pendidik lebih menggemari *WhatsApp* berbanding *Telegram* kerana aplikasi tersebut lebih mudah diakses. Kajian tersebut hanya melibatkan perbandingan penggunaan dua (2) aplikasi sahaja. Sedangkan kajian ini memberi lebih pilihan kepada responden aplikasi atas talian yang paling kerap digunakan dan paling mudah digunakan sewaktu PdP Norma Baharu ini. Hanisah et al., 2021 pula berpendapat pelaksanaan PdP di rumah dengan menggunakan *Google Classroom* masih asing bagi sesetengah guru dan pelajar sekolah rendah.

Jadual 7 Peratusan Responden Menggunakan Aplikasi Atas Talian Yang Paling Kerap Dan Paling Mudah Digunakan Sewaktu PdP Norma Baharu

	Frekuensi	Peratus	Peratus Sah	Peratus Kumulatif
<i>Telegram</i>	18	12.7	12.7	12.7
<i>WhatsApp</i>	0	0	0	0
<i>Google Meet</i>	92	64.8	64.8	77.5
<i>Mirosoft Teams</i>	0	0	0	0
<i>Google Classroom</i>	32	22.5	22.5	100.0
Jumlah	142	100.0	100.0	

Cabaran yang paling besar dalam penggunaan aplikasi atas talian pelaksanaan PdP norma baharu ini ialah aplikasi atas talian membuatkan responden kurang berminat dalam PdP. Di mana nilai min hanya 2.77 iaitu pada tahap sederhana. Ini adalah kerana aplikasi yang digunakan memerlukan penggunaan data yang agak tinggi bagi semua subjek yang diambil pada semester berkenaan. Ini agak menyukarkan pelajar kerana pelajar terpaksa membelanjakan kos yang agak tinggi untuk tujuan capaian internet (Ismail et al., 2020). Sungguhpun begitu, nilai min responden selesa menggunakan teknologi maklumat untuk PdP secara efektif pada tahap tinggi iaitu 3.17. Pelajar lebih selesa dan bebas untuk mengemukakan pendapat mereka tanpa perlu bersemuka secara berdepan dengan pensyarah dan pelajar-pelajar lain.

Jadual 8 Penggunaan Aplikasi Atas Talian bagi PDP Norma Baharu

	Bil	Minimum	Maksimum	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Saya selesa menggunakan aplikasi atas talian bagi PdP Norma Baharu sewaktu tempoh PKP	142	2	4	3.15	.645	Tinggi
Saya selesa menggunakan teknologi maklumat untuk PdP secara efektif	<b>142</b>	<b>2</b>	<b>4</b>	<b>3.17</b>	<b>.607</b>	<b>Tinggi</b>
Aplikasi atas talian membuatkan saya lebih berminat dalam PdP	142	1	4	2.77	.775	Sederhana
Aplikasi atas talian memudahkan proses komunikasi dua hala dalam PdP	142	1	4	2.92	.729	Sederhana
Aplikasi atas talian meningkatkan motivasi saya dalam PdP	142	1	4	2.93	.759	Sederhana
Saya dapat menyiapkan tugas dengan mudah menggunakan aplikasi atas talian	142	1	4	2.92	.785	Sederhana
Sah N (listwise)	142					

Hasil dapatan kajian ini mendapati bahawa tahap responden mempunyai peranti seperti telefon pintar, komputer riba yang lengkap untuk pelaksanaan PDP norma baharu pada tahap tinggi iaitu 3.27. Dalam menghadapi persediaan PdP norma baharu ini, pelajar perlu dilengkapi dengan peralatan atau peranti yang lengkap bagi memastikan pelaksanaan PdP berjalan dengan mudah, lancar dan mencapai objektif PdP. Menurut Pauzi et al., (2020), pengurusan ruang dan fasiliti memainkan peranan penting dalam memastikan PdP berjalan dengan lancar. Namun begitu, capaian internet yang bagus memainkan peranan yang sangat penting dalam pelaksanaan PdP secara atas talian. Daripada hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa capaian internet yang bagus bagi pelaksanaan PDP norma baharu responden hanya pada tahap



sederhana (2.72) ini adalah kerana kebanyakan daripada responden tinggal di kawasan pedalaman yang mempunyai masalah capaian internet.

Jadual 9 Pengurusan Ruang dan Fasiliti dalam Pelaksanaan PDP Norma Baharu

	Bil	Minimum	Maksimum	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Saya mempunyai ruang yang kondusif untuk PdP norma baharu	142	1	4	3.00	.790	Sederhana
Saya mempunyai capaian internet yang bagus bagi pelaksanaan PdP norma baharu	142	1	4	2.72	1.081	Sederhana
Saya mempunyai peranti (contoh: Telefon Pintar, Komputer Riba) yang lengkap untuk pelaksanaan PdP norma baharu	<b>142</b>	<b>1</b>	<b>4</b>	<b>3.27</b>	<b>.733</b>	<b>Tinggi</b>
Saya memiliki suasana PdP yang aman dan tiada gangguan	142	1	4	2.92	.949	Sederhana
Sah N (listwise)	142					

Menurut Jadual 10, tahap nilai min pensyarah mempunyai kemahiran dalam pengurusan masa pelaksanaan PdP norma ialah pada tahap tinggi (3.38). Ini menunjukkan bahawa responden berpendapat bahawa pensyarah bersedia dan sebaik mungkin melengkapkan diri dengan kemahiran ICT dan sebarang aplikasi secara atas talian bagi memastikan objektif PdP tercapai dan PdP berjalan dengan lancar. Menurut Mohd. Hamzah & Attan (2012) kesediaan guru mempersiapkan diri dengan kemahiran ICT merupakan elemen yang penting dalam memastikan PdP berlangsung dengan baik tanpa sebarang gangguan. Pensyarah KKSG2 sentiasa mencari ilmu dan kemahiran ICT dengan mengikuti webinar-webinar yang dianjurkan oleh pihak.

Jadual 10 Pengurusan Pensyarah dalam Pelaksanaan PDP Norma Baharu

	Bil	Minimum	Maksimum	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Pensyarah berkemahiran dalam penggunaan aplikasi atas talian dalam pelaksanaan PdP norma baharu	142	2	4	3.31	.548	Tinggi
Pensyarah berkemahiran dalam pengurusan masa pelaksanaan PdP norma baharu	<b>142</b>	<b>2</b>	<b>4</b>	<b>3.38</b>	<b>.592</b>	<b>Tinggi</b>
Pensyarah bersemangat dalam pelaksanaan PdP norma baharu	142	1	4	3.31	.686	Tinggi
Pensyarah kreatif menggabungkan beberapa teknologi dalam pelaksanaan PdP norma baharu	142	2	4	3.30	.569	Tinggi
Pensyarah bermotivasi dalam pelaksanaan PdP norma baharu	142	2	4	3.31	.548	Tinggi
Sah N (listwise)	142					

Secara keseluruhan, analisis menunjukkan bahawa pelajar KKS2 sangat bersetuju pensyarah KKS2 sangat bersedia dalam menghadapi PdP norma baharu. Di mana nilai skor min keseluruhan bagi pengurusan pensyarah dalam pelaksanaan PdP norma baharu pada tahap tinggi iaitu 3.32. Pensyarah bersedia dari segi penyediaan nota, penggunaan aplikasi ICT dan kaedah pengajaran norma baharu. Pensyarah berkemahiran dalam penggunaan ICT, bersemangat, kreatif dan bermotivasi dalam pelaksanaan PdP norma baharu.

Jadual 11 Nilai Skor Min Keseluruhan

	Bil	Minimum	Maksimum	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Min Penggunaan Aplikasi Atas Talian bagi PdP Norma Baharu	142	1.83	4.00	2.98	.62977	Sederhana
Min Pengurusan Ruang dan Fasiliti dalam Pelaksanaan PdP Norma Baharu	142	1.00	4.00	2.98	.75460	Sederhana
Min Pengurusan Pensyarah dalam Pelaksanaan PDP Norma Baharu	142	2.00	4.00	3.32	.53948	Tinggi
Sah N (listwise)	142					

Nilai min keseluruhan bari penggunaan aplikasi atas talian dan pengurusan ruang dan fasiliti dalam pelaksanaan PdP norma baharu berada pada tahap sederhana iaitu 2.98. Responden mengalami masalah yang dalam capaian internet terutama yang tinggal di kawasan pedalaman atau kawasan yang mempunyai masalah capaian internet. Tambahan pula, responden berasa kurang selesa dengan keadaan ruang. Pembelajaran di rumah terkadang-kadang mempunyai gangguan daripada ahli keluarga yang berada di dalam rumah tersebut. Ini menyebabkan sedikit sebanyak akan mengganggu tumpuan responden sewaktu PdP berlangsung.

## KESIMPULAN DAN CADANGAN

Kesimpulannya, hasil kajian menunjukkan bahawa PdP norma baharu membuka spektrum baharu dalam dunia Pendidikan Malaysia. Pensyarah sentiasa meningkatkan kemahiran di samping kepelbagaian kaedah dan teknik telah digunakan dalam memastikan PdP norma baharu ini dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan. Walaupun terdapat cabaran dari segi capaian internet yang agak lemah, ruang dan kapasiti PdP di rumah yang kurang selesa dan terdapat gangguan, secara keseluruhannya pelajar KKSG2 selesa menjalani PdP norma baharu ini. Kajian lanjut boleh dilaksanakan bagi melihat hubungan antara tahap keberkesanan PdP norma baharu terhadap pencapaian pelajar.

## RUJUKAN

- Best, J. W. (1977). *Research in Education*. New Jersey: Prentice Hall.
- Ahmad Saifudin, N. H., & Hamzah, M. I. (2021). Cabaran Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah (PdPR) Dalam Talian Dengan Murid Sekolah Rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(3), 250–264.

- Bahrom, Z. (2020). Pedagogi Norma Baharu: Cabaran Dan Hikmah. *Jurnal Refleksi Kepemimpinan*, 3, 74–85.
- Che Azizan, S. N., & Mohamad Nasri, N. (2020). Pandangan Guru Terhadap Pembelajaran dalam Talian melalui pendekatan Home Based Learning (HBL) semasa tempoh Pandemik COVID-19. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 6812, 46–57.
- Hairia'an, N. H., & Dzainudin, M. (2020). Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Talian Semasa Perintah Kawalan Pergerakan. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan (Special Issue)*, 9(September), 18–28. <https://ejournal.upsi.edu.my/journal/JPAK>
- Ibrahim, S. A. (2021). Pandemik Covid-19: Cabaran dan Impak dalam Pendidikan Islam dan Pembelajaran Murid. *International Journal in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 1(1), 89–94.
- Ismail, N. S., Bakar, N. M. A., & Wafa, S. W. W. S. S. T. (2020). Online Learning Challenges during Pandemic COVID-19 in Malaysian Higher Learning Institution. *Universal Journal of Educational Research*, 8(12), 7151–7159. <https://doi.org/10.13189/ujer.2020.081282>
- Mohd. Hamzah, M. I., & Attan, N. (2012). Tahap Kesediaan Guru Sains Dalam Penggunaan Teknologi Maklumat Berasaskan Komputer Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran. *Jurnal Teknologi*, 46, 45–60. <https://doi.org/10.11113/jt.v46.307>
- Mohd Najib, H., Abu Bakar, N. R., & Othman, N. (2017). E-Pembelajaran dalam Kalangan Pelajar di Sebuah Institusi Pengajian Tinggi Selangor. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education Revised*, 1(1), 74–82.
- Nor Musfirah Mohamad. (2021). Cabaran Pedagogi Norma Baharu di Kolj Universiti Islam Perlis (KUIPs) ketika Pandemik Wabak Koronavirus Covid-19. *Jurnal Pengajian Islam*, 14(Special Edition), 243–254.
- Pauzi, M. F., Juhari, S. N., Amiruddin, S., & Hassan, N. M. (2020). Covid-19: Pengajaran dan Pembelajaran Sewaktu Krisis Pandemik. *Jurnal Refleksi Kepemimpinan*, 3, 96–105.
- Saad, Z., Subramaniam, B., Muthiah, M., Yaakub, A. M., & Chin Soo Fong, O. a/l K. (2020). Kesiediaan Penggunaan Google Meet Sebagai Platform Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Abdul Halim. *Proceedings of International Conference of The Future Education IConFEEd 2020, November 17–18*.
- Thannimalai, T., & Baloh, S. (2021). Cabaran Pdpr Bahasa Tamil Di Sekolah Luar Bandar. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 5(2), 183–190. <https://doi.org/10.33306/mjssh/132>
- Tria, J. Z. (2020). The COVID-19 Pandemic through the Lens of Education in the Philippines: The New Normal. *International Journal of Pedagogical Development and Lifelong Learning*, 1(1), ep2001. <https://doi.org/10.30935/ijpdll/8311>